


Kempen Kemerdekaan SST 2010

Kempen Kemerdekaan SST 2010 telah diadakan pada 23 hingga 27 Ogos 2010 dengan kerjasama Jabatan Persatuan Pelajar SST (ScienceTech) dan Sekolah Sains dan Teknologi. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk D. Tigabelas Datu Z. Abidin, Pengarah Arkib Negeri Sabah pada 23 Ogos 2010 di Foyer Sekolah Sains dan Teknologi. Majlis ini telah dihadiri oleh Dekan SST, Timbalan-timbalan Dekan SST, Pensyarah dan mahasiswa/siswi. Objektif utama kempen ini adalah untuk memupuk semangat patriotisme dalam diri mahasiswa dan mahasiswi di SST. Kempen ini juga bertujuan memberi kesedaran kepada mahasiswa/siswi tentang kepentingan menyambut hari kemerdekaan negara kita dan mengenang jasa generasi terdahulu dalam perjuangan mereka menjadikan Malaysia sebuah negara yang merdeka. Antara pengisian sepanjang seminggu Kempen Kemerdekaan SST 2010 berlangsung ialah Pertandingan Kuiz, Deklamasi Sajak, Teka Silang Kata, Pertandingan Melukis, Mencipta Bendera Malaysia melalui bahan-bahan terpakai, Pertandingan Nyanyian Lagu Patriotik, dan Explorace. Acara kemuncak perasmian program ini ialah tayangan Dokumentasi Kemerdekaan pada tahun 1957.

Artikel oleh: Norlita Ismail



Upacara perasmian oleh YBhg. Datuk D. Tigabelas Datu Z. Abidin
Pengarah Arkib Negeri Sabah



Program lawatan ke tapak Pameran sempena
Sambutan Kemerdekaan SST 2010